

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]**

TARIKH : 7 APRIL 2016 (KHAMIS)

SOALAN : 6

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan usaha Kerajaan bagi meningkatkan kelajuan internet terutamanya di Sabah. Adakah Kerajaan bercadang untuk membenarkan lebih banyak syarikat komunikasi untuk bersaing dalam usaha untuk meningkatkan kelajuan internet dan menghapuskan monopoli oleh Telekom Berhad.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman dewan yang mulia ini, kadar penembusan Jalur Lebar di Sabah terkini adalah pada 72.4% berbanding 47% pada tahun 2014. Bagi meningkatkan lagi kelajuan kemudahan Internet di negeri Sabah, hasil daripada pengumuman Pelan Jalur Lebar Kebangsaan oleh YAB Perdana Menteri, sehingga bulan Mac 2016, Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah membelanjakan sejumlah **RM2.3 bilion** untuk pelaksanaan pelbagai inisiatif seperti:

SOALAN NO: 6

- (i) Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi Fasa 1 dan 2 (HSBB);
- (ii) Projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB);
- (iii) Sistem kabel dasar laut yang menghubungkan Sabah dan Semenanjung Malaysia (Sistem Kabel Rakyat 1Malaysia - SKR1M);
- (iv) Projek Menaik Taraf Liputan Jalur Lebar Mudah Alih 3G di bawah program Peluasan Liputan Perkhidmatan Selular; dan
- (v) Penyediaan perkhidmatan streamyx sehingga mencecah kelajuan 8Mbps serta UniFi sehingga 100Mbps.

Di antara hasil pelaksanaan inisiatif-inisiatif tersebut, selain daripada dapat merapatkan jurang digital dalam kalangan masyarakat dan melahirkan generasi celik ICT, ia juga digunakan ketika berlakunya gempa bumi di Gunung Kinabalu pada 2015. Kemudahan yang telah dibina oleh SKMM seperti Pusat Internet 1Malaysia telah digunakan 24 jam sebagai pusat media dan pusat penyelamat kerana kemudahan Internet yang terus beroperasi membolehkan laporan dihantar terus kepada agensi penyelamat seperti Jabatan Bomba, JPAM, hospital dan lain-lain dengan pantas. Menara telekomunikasi yang berada di sekitar kawasan bencana juga telah digunakan oleh pengamal radio amatur untuk sistem radio mereka ketika sesi menyelamat.

Dalam usaha untuk meningkatkan persaingan, Kementerian telah mengambil tindakan mengawal selia perkhidmatan Internet di peringkat pemborong supaya syarikat komunikasi yang lain turut boleh menggunakan rangkaian HSBB Telekom Malaysia Berhad iaitu projek usaha sama awam dan swasta (*Public Private Partnership*) dalam aspek penawaran perkhidmatan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) berasaskan gentian optik.

SOALAN NO: 6

Dalam pada itu, semua syarikat telekomunikasi yang memiliki lesen penyedia perkhidmatan rangkaian (network service provider) boleh menyediakan perkhidmatan Internet berkelajuan tinggi. Oleh itu, tidak timbul hanya Telekom Malaysia sahaja yang memonopoli perkhidmatan HSBB tersebut.